

Analisis Kaedah Pembentukan Istilah Media dalam Kamus Inggeris-Arab

[Analysis of Media Terms Formation Methods in English-Arabic Dictionary]

Mohamad Azwan Kamarudin,¹ Norliza Othman,¹
Suhaila Zailani @ Ahmad¹ & Amani Hakim¹

1 Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA. E-mail: azwan@ukm.edu.my; suzail@ukm.edu.my;

*Corresponding Author: suzail@ukm.edu.my

Abstrak

Demi menjamin keberlangsungan perkembangan perbendaharaan bahasa Arab itu sendiri, usaha-usaha berterusan ke arah mencari padanan istilah atau terma yang sesuai dan tepat bagi ciptaan atau idea baharu yang muncul adalah menjadi satu keperluan seiring dengan perkembangan zaman dan isinya. Pembentukan istilah dalam bahasa Arab sejak sekian lama telah menyaksikan kepelbagaian pendekatan dan cara pembentukan istilah-istilah baharu seperti akronim, derivasi, terjemahan, sintesis, pengaraban, imbuhan awalan dan akhiran, dan pinjaman kata. Kajian ini mengadaptasi pendekatan kualitatif dengan menggunakan kaedah analisis dokumen. Sebanyak 42 entri leksikal terpilih berbahasa Inggeris yang dimulai oleh huruf C dalam kamus *Mustolahat l'lamiah* dianalisis makna dan padanan bahasa Arab yang diberikan oleh pengarang. Analisis ini diharap mampu memberi serba sedikit gambaran bagaimana proses pembentukan istilah media yang berlaku dalam bahasa Arab.

Kata kunci: perkamusan Arab, pembentukan istilah, bahasa media, bahasa Arab

Abstract

In order to guarantee the continuity of the development of the vocabulary of the Arabic language itself, continuous efforts towards finding suitable and accurate matching terms or terms for new inventions or ideas that appear are a necessity along with the development of the times and its content. The formation of terms in the Arabic language for a long time has seen a variety of approaches and ways of forming new terms such as acronyms, derivations, translations, synthesis, Arabicization, prefix and suffix affixes, and loanwords. This study adopts a qualitative approach by using the document analysis method. A total of 42 selected English lexical entries that begin with the letter C in the Mustolahat l'lamiah Dictionary were analyzed with Arabic meanings and equivalents given by the author. This analysis is expected to be able to give a little insight into how the media term formation process occurs in the Arabic language.

Keywords: Arabic lexicography, term formation, media language, Arabic language

Cite This Article:

Mohamad Azwan Kamarudin, Norliza Othman, Suhaila Zailani @ Ahmad & Amani Hakim. (2024). Analisis Kaedah Pembentukan Istilah Media dalam Kamus Inggeris-Arab [Analysis of Media Terms Formation Methods in English-Arabic Dictionary]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 7(1): 199-215.

BITARA

Volume 7, Issue 1, 2024: 199-215
© The Author(s) 2024
e-ISSN: 2600-9080
http://www.bitarajournal.com
Received: 12 February 2024
Accepted: 25 February 2024
Published: 13 March 2024

Pengenalan

Perkembangan sains, teknologi dan seni dalam pelbagai bidang menerbitkan kata dan istilah baharu. Disebabkan oleh kebanyakan negara maju yang berperanan besar dan pantas dalam menyumbang ke arah kelahiran kata dan istilah baharu berkaitan sains, teknologi dan seni merupakan negara-negara yang menggunakan bahasa Inggeris, justeru istilah-istilah baharu tersebut juga pastinya berasal daripada bahasa Inggeris.

Justeru, penyelidikan ini bertujuan melihat kaedah yang telah dimanfaatkan ketika proses penggubalan istilah di samping memastikan istilah yang dibentuk selaras dan menepati makna dan konsep yang dimaksudkan. Kaedah penggubalan istilah-istilah media massa dalam bahasa Arab seperti yang digariskan oleh Hamid Sadiq Qaniby (2000) ialah *qiyas*, *isytiqaq*, *terjemahan*, *ta`rib* dan *naht*. Bagi tujuan tersebut, sejumlah istilah media massa dianalisis.

Objektif

Kajian ini dijalankan bertujuan mengenalpasti makna sebenar bagi 42 entri leksikal bermula dengan huruf C dalam sebuah kamus media Inggeris-Arab dan meneliti padanan yang diberikan dalam bahasa Arab serta menganalisis kaedah pengistilahan yang digunakan ketika memberikan padanan tersebut.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif iaitu analisis kandungan dengan mengumpul data berupa entri leksikal bermula huruf C yang diperoleh daripada kamus media Inggeris-Arab karangan Hamid Ja'id Muhsin (2001) yang bertajuk *Mustolahat 'Ilamiyyah* yang mengandungi istilah-istilah media massa. Dalam proses mencari makna dan konsep sebenar yang dibawa oleh setiap istilah yang terpilih itu pula, pengkaji menggunakan kaedah kepustakaan yang lain dengan merujuk sumber bercetak dan di atas talian seperti *almaany.com* dan *al-Bahith al-Arabiyy*. Sebelum memulakan kajian, pengkaji telah memilih data kajian yang sudah dikesilkan skopnya, iaitu hanya 42 entri bermula dengan huruf C. Dalam pemprosesan data, pengkaji mengambil data yang telah dikumpulkan oleh pengarang kamus tersebut dan mula meneliti satu-persatu istilah yang terkandung dalam setiap entri bermula huruf C tersebut secara manual. Istilah-istilah tersebut telah dianalisis dan ditentukan mengikut jenis kaedah yang digunakan dalam pembentukannya. Melalui kaedah ini, istilah tersebut dapat diterangkan dengan jelas makna dan konsep yang terkandung di dalamnya dan dapat dibezakan dengan jelas antara satu sama lain dan cara pembentukannya adalah berbeza mengikut pembahagian oleh ahli sarjana bahasa Arab (Al-Qasimiy, 2019).

Sorotan Literatur

Istilah ialah perkataan atau gabungan perkataan yang dengan jelas memperjelas makna, konsep, proses, keadaan atau ciri yang tertentu dalam bidang tertentu (Pedoman Umum Pembentukan Istilah Bahasa Melayu, 1992). Kamus Dewan Edisi Keempat pula mendefinisikan istilah

sebagai perkataan yang mempunyai makna khusus dalam sesuatu bidang ilmu pengetahuan. Manakala Felber (1995) pula mendefinisikan istilah sebagai suatu simbol linguistik yang boleh terdiri daripada kata, rangkai kata atau frasa, simbol grafik, singkatan initialisme, akronim dan notasi yang mewakili satu atau lebih konsep dalam bidang tertentu. Istilah juga didefinisikan sebagai sebarang lambang konvensional bagi suatu konsep yang terdiri daripada bunyi-bunyi ujaran atau representasi tulisan. Suatu istilah boleh berupa kata atau frasa (Pitch & Draskau, 1985). Daripada ketiga-tiga definisi ini dapat disimpulkan bahawa istilah merupakan lambang bahasa yang mewakili konsep dalam bidang-bidang tertentu.

Manakala ilmu terminologi atau ilmu peristilahan boleh ditakrifkan sebagai kajian saintifik tentang konsep dan istilah yang mengungkapkannya dalam bahasa tertentu. Tujuan ilmu terminologi adalah untuk menghasilkan kamus khusus dengan menyenaraikan istilah-istilah saintifik dan teknikal yang tepat bagi memudahkan pertukaran maklumat sekaligus menyebarkan ilmu pengetahuan ke dalam masyarakat. Oleh itu, ilmu peristilahan ini adalah elemen penting dalam perancangan bahasa dan dasar bahasa sesebuah negara (Al-Qasimy, 2019).

Kaedah Pembentukan Istilah Baharu dalam Bahasa Arab

Sebelum penghujung kurun pertama sejarah pemerintahan Islam, bangsa Arab telah pun berjaya memperluas wilayah empayar mereka di luar semenanjung tanah Arab. Hal ini pastinya memberikan cabaran baharu kepada bahasa mereka untuk bersaing dengan bahasa-bahasa asing yang hebat pada ketika itu seperti Greek dan Parsi. Pada era tersebut yang dikenali sebagai era keemasan, para sarjana dan saintis berbangsa Arab telah mula berinteraksi dengan bahasa-bahasa asing ini melalui usaha-usaha penterjemah yang dipergiat seperti menterjemah buku-buku ilmu perubatan, sains dan teknikal daripada Greek dan Latin ke bahasa Arab. Kesannya, konsep-konsep dan istilah-istilah teknikal yang baharu mula merentasi sempadan-sempadan bahasa dek kerana pemindahan ilmu yang rancak ini.

Fenomena ini telah menyebabkan ahli tatabahasa dan filologi Arab perlu bangun mencipta dan memperkenalkan kaedah-kaedah baharu untuk menghadapi cabaran istilah asing dan neologisme demi melindungi kesucian bahasa asal mereka. Sebagai contoh, Al-Shihabi (1995) menyebut beberapa kaedah tersebut: (i) mengubahsuai konsep asal perkataan (sambungan semantik) untuk memasukkan konsep baru. (ii) memperoleh ungkapan baharu daripada akar bahasa Arab asal atau daripada akar bahasa Arab untuk menetapkan konsep baharu (iii) mengarabkan perkataan asing mengikut acuan Arab. Al-Khuri (1988) pula merangkumkan bersama prosedur *Al-Naht* (Akronim) dan *al-ishtiqāq* (derivasi). Kaedah-kaedah ini diguna pakai oleh sarjana-sarjana bahasa Arab untuk apa yang mereka namakan sebagai *al-tawlīd* (generasi, secara harfiah: melahirkan) iaitu penciptaan perkataan baharu yang tidak wujud sama ada dalam bahasa lama atau moden. Al-Shihabi (1995) menambah kaedah lain iaitu memindahkan (iaitu menterjemah) perkataan asing dengan maknanya (terjemahan pinjaman) serta perkataan asing yang di Arabkan dan maknanya. Perlu disebutkan di sini bahawa kaedah-kaedah ini telah dibangunkan oleh sarjana dan ahli nahu Arab silam untuk menyesuaikan istilah baharu tersebut dengan sifat dan ciri bahasa Arab itu sendiri (Syamsul Hadi, 2017).

Dengan kemaraan revolusi industri 4.0 dan perkembangan sains dan teknologi yang pantas, usaha-usaha ke arah memperkaya korpus kata dan istilah dalam bahasa Arab turut sama semakin rancak digembleng sehingga membawa kesan yang amat ketara dengan kemasukan sejumlah besar perkataan dan istilah baharu ke dalam perbendaharaannya. Pada masa kini, peranan besar dalam mencipta istilah-istilah baharu dalam Arab dimainkan oleh sistem peristilahan asing yang ditiru dan dipinjam oleh sistem peristilahan Arab. Corak berikut digunakan dalam proses ini:

1. Penamatan makna khusus unit leksikal sedia ada atau sedia ada sebelumnya;
2. Pembentukan istilah baharu mengikut model binaan kata yang wujud dalam bahasa itu sendiri;
3. Terjemahan istilah, gabungan istilah dan pemendekan sebelum melalui proses elipsis atau gabungan perkataan;
4. Peminjaman terus (Belkin, 1975).

Pemadanan istilah yang lama dalam bahasa Arab dengan sesuatu istilah baharu yang mempunyai makna yang sama agak kurang tersebar secara meluas dalam korpus bahasa media Arab. Walau bagaimanapun, terdapat contoh penggunaan perkataan klasik dalam makna istilah baharu seperti perkataan ‘*cartoon*’ yang diterjemahkan kepada ‘رسوم متحركة’. Ia adalah amalan biasa apabila istilah dibentuk berdasarkan lexis umum sesuatu bahasa dengan mencari padanan semantik yang tepat untuk istilah asing seperti perkataan ‘*channel*’ di televisyen yang dipadankan dengan ‘قناة’. Kaedah yang sama digunakan dalam istilah berikut: ‘*charging*’ dipadankan dengan ‘شحن’. *Al-Ta’reeb* (Pengaraban) atau Arabisasi didefinisikan sebagai penyesuaian istilah bukan Arab kepada bahasa Arab dengan menggunakan peraturan sistem fonologi dan kadangkala morfologi bahasa kepada istilah (Stetkevych, 1970). Proses penciptaan istilah baharu mungkin juga direalisasikan melalui derivasi morfologi atau Arabisasi, iaitu ‘menyebut nama asing mengikut peraturan linguistik Arab ...’ (Ibn Manzur, 2021).

Istilah yang digubal dalam bahasa Arab sering kali pula dipendekkan dengan pelbagai cara:

1. Pengubahsuaian secara sebahagian atau penuh membentuk satu istilah yang terhasil daripada kombinasi penuh perkataan.

Contohnya, istilah ‘قابلية الإنتاج’ yang bererti *productivity* diringkaskan kepada istilah ‘إنتاجية’ sahaja.

2. Elipsis (penghapusan) komponen gabungan istilah.

Elipsis (penghapusan) yang menyebabkan terputusnya satu-satu komponen daripada komponen atau beberapa komponen asal yang digubah, yang menunjukkan pelbagai fenomena dan konsep. Contohnya, istilah ‘قناة تلفزيونية’ yang bererti *television channel* diringkaskan kepada istilah ‘قناة’ sahaja.

Corak yang paling tipikal dalam pembinaan frasa nama adjektif atau *murakkab wasfiy* yang terdiri daripada kata nama dan kata adjektif ialah elipsis penentu, iaitu *mausuf*. Dalam kes sebegini, proses percantuman semantik dua makna menjadi satu dibarisi dengan proses tatabahasa substantivasi kata adjektif (Belkin, 1975). Situasi ini boleh diperhatikan pada contoh: 'برقية' yang bererti *telegram*, dan bukannya 'رسالة برقية'. Contoh lain ialah 'افتتاحية' yang merujuk kepada *main article* dan bukannya 'مقالة افتتاحية'. Kata adjektif dalam *murakkab wasfiy* agak jarang dielipsiskan. Antara contoh elipsis kata adjektif ialah istilah 'قناة تلفزيونية' yang bererti *television channel* menjadi 'قناة' sahaja. Frasa *murakkab idafiy* pula didapati agak jarang mengalami elipsis. Sekadar contoh, frasa 'طالب العلم' yang bererti *knowledge seeker* ditukar menjadi 'طالب' yang bererti *a student*.

Menurut Qanibiy (2000), antara kaedah yang digunakan dalam pembentukan kata dan istilah baru dalam bahas Arab ialah *Al-Tarjamah* (Terjemahan), *Al-Ta'reeb* (Pengaraban), *Al-Ishtiqaq* (Derivasi), *Al-Naht* (Akronim), *Al-Tarkib* (Pembentukan Frasa) dan *al-Sawabiq wa al-Lawahiq* (Imbuan Awalan dan Akhiran).

Al-Tarjamah (Terjemahan) didefinisikan sebagai perbuatan memindahkan dari satu bahasa ke bahasa yang lain (Mahmud Abdelghani, 2017). Terjemahan menurut Dewan Bahasa Dan Pustaka ialah memindahkan daripada suatu bahasa kepada bahasa yang lain atau dengan kata lain, mengalih bahasakan. Ini bermaksud menterjemahkan dari teks asal bahasa lain seperti perkataan 'eye' yang diterjemahkan ke teks sasaran seperti bahasa melayu 'mata' atau bahasa lain. Penterjemahan istilah boleh dibahagikan kepada dua kategori (Hamadi, 2000): Terjemahan langsung: Ia adalah proses pemindahan istilah daripada sesuatu bahasa ke dalam bahasa Arab dengan pemindahan langsung yang serupa. Terjemahan semantik: Ia dianggap sebagai salah satu cara terpenting yang telah banyak menyumbang kepada pengayaan perbendaharaan kosa kata bahasa Arab, baik yang klasik mahupun moden.

Al-Ta'reeb (Pengaraban) menurut al-Qosimiy (2019) pula merupakan perpindahan perkataan dan makna bahasa asing ke dalam bahasa Arab tanpa menukarkan sebarang ciri-ciri yang terdapat dalam perkataan tersebut atau menukarkan ciri-cirinya untuk menyesuaikan dengan sistem sebutan Arab atau morfologi (kajian binaan kata) dan menyesuaikan dengan pendengar dari penutur bahasa Arab. Sebagai contoh yang mudah, sekiranya ingin mengetahui istilah ini dengan lebih mendalam, maka *Al-Ta'reeb* (Pengaraban) dalam bahasa melayu boleh dikatakan sebagai "pengaraban" atau "Arabisasi". Namun begitu, istilah ini belum diiktiraf oleh Dewan Bahasa dan Pustaka tetapi masih boleh diguna pakai bagi menggambarkan makna perkataan tersebut.

Al-Ishtiqaq (Derivasi) merupakan derivasi dibentuk dari satu bentuk ke bentuk kata yang lain seperti 'فارس-فارس' (Akhyar Hanif, 2016). Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka, derivasi ialah satu proses pengimbuhan yang menggandingkan imbuan pada kata dasar. Proses ini juga dikenali sebagai penerbitan kata.

Al-Naht (Akronim) pula bermaksud akronim yang dijadikan sebagai pola untuk meringkaskan dua kata atau lebih menjadi satu ungkapan. (Azril Akhir MHS, 2017). Daripada definisi tersebut, akronim adalah singkatan kata yang digabungkan dari dua kata atau lebih. Sebagai contoh dalam bahasa arab, ungkapan (بسم الله الرحمن الرحيم) di singkatkan menjadi بسم.

Al-Tarkib (Pembentukan Frasa) ialah sekumpulan perkataan yang digabungkan dan menjadi satu perkataan yang baru. (Abdul Rahman, 2012). Dapat difahami bahawa *Al-Tarkib* (Pembentukan Frasa) merupakan gabungan dua kata atau lebih menjadi satu frasa atau boleh

difahami proses ini sebagai sintesis. Sebagai contoh **عبد** merupakan satu perkataan dan **الله** merupakan perkataan yang lain. Sekiranya kedua-dua perkataan tersebut disatukan, maka ia akan menjadi sebagai **عبد الله** dan ini dinamakan sistesis.

Al-Sawabiq wa al-Lawahiq (Imbuan Awalan dan Akhiran) pula merupakan imbuan awalan dan akhiran (Ali al-Qasi, 2019). Contoh imbuan awalan dalam bahasa Arab ialah (ال) yang dimasukkan dalam hampir setiap kata nama seperti (بيت) menjadi (البيت). Begitu juga imbuan akhiran dalam kata kerja bahasa Arab seperti (جاء-جاؤوا). Imbuan awalan dan akhiran juga turut digunakan dalam bahasa melayu seperti “dibuat” dan “pakaian”. Selain (), terdapat juga imbuan awalan dan akhiran yang lain seperti (ياء النسبة).

Daripada kesemua kaedah pembentukan istilah tadi, didapati bahawa untuk membina satu kamus atau korpus leksikal, ia memerlukan satu metodologi yang tersendiri dalam menggubal setiap istilah tersebut agar padanan kata yang diberikan adalah selari dengan makna dan konsep yang terkandung dalam setiap istilah tersebut. Untuk itu, kajian ini dijalankan bagi melihat kaedah pembentukan istilah media dalam bahasa Arab yang diambil daripada buku Hamid Ja'id Muhsin (2021) “*Mustolahat 'ilamiah'*”. Kajian ini hanya memfokuskan pada entri C yang terdapat dalam buku tersebut.

Analisis Dapatan

Berdasarkan kajian yang dijalankan, sebanyak 42 perkataan telah diambil dari entri C kamus (مصطلحات إعلامية) sebelum ia dibahagikan mengikut kategori kaedah pembentukan seperti perkataan yang memang berasal daripada bahasa Arab, *Al-Ta'reeb* (Pengaraban), *Al-Tarjamah* (Terjemahan), *Al-Ishtiqaq* (Derivasi), *Al-Naht* (Akronim), *Al-Tarkib* (Pembentukan Frasa) dan *al-Sawabiq wa al-Lawahiq* (Imbuan Awalan dan Akhiran). Berikut di bawah merupakan senarai istilah yang disenaraikan mengikut kategori pengistilahan tersebut.


Jadual 1 : Senarai istilah terpilih dalam entri C yang dianalisis

| Bil. | Istilah Media | | | Kaedah Pembentukan |
|------|---------------------|-------------------|---------------------|---|
| | Inggeris | Melayu | Arab | |
| 1 | <i>cablecasting</i> | Kabel penyiaran | تلفزة ، بث كبلّي | التعريب الاشتقاق الترجمة التركيب السوابق واللواحق |
| 2 | <i>call</i> | panggilan | مكالمة | الترجمة الاشتقاق |
| 3 | <i>camcorder</i> | Kamera mudah alih | كاميرة محمولة | التعريب الترجمة الاشتقاق التركيب |

| | | | | |
|----|-----------------------------|---------------------|----------------------------|--|
| 4 | <i>camera shot</i> | Tangkapan kamera | لقط | الترجمة الاشتقاق |
| 5 | <i>car radio</i> | Radio kereta | مذياع السيارة | الترجمة الاشتقاق التركيب السوابق واللواحق |
| 6 | <i>caricature</i> | karikatur | كاريكاتير | التعريب الترجمة |
| 7 | <i>cartoon film</i> | Filem kartun | فلم رسوم متحركة | التعريب التركيب الاشتقاق الترجمة |
| 8 | <i>cartoons</i> | kartun | رسوم متحركة، رسوم هزلية | التركيب الاشتقاق السوابق واللواحق الترجمة |
| 9 | <i>cassette recording</i> | Perakam kaset | تسجيل شريط | التركيب الاشتقاق |
| 10 | <i>cast</i> | pelakon | تمثيل | الترجمة الاشتقاق |
| 11 | <i>censorship</i> | Penapisan | رقابة | الترجمة الاشتقاق |
| 12 | <i>channel</i> | saluran | قناة | الترجمة الاشتقاق |
| 13 | <i>children's programme</i> | Program kanak-kanak | برنامج الأطفال | التعريب التركيب السوابق واللواحق الترجمة |
| 14 | <i>chronological order</i> | kronologi | تسلسل زمني | الاشتقاق التركيب السوابق واللواحق الترجمة |
| 15 | <i>cinema star</i> | Pelakon filem | نجم سينمائي | التركيب التعريب السوابق واللواحق |
| 16 | <i>citation</i> | petikan | استشهاد، مرجع | الترجمة الاشتقاق |
| 17 | <i>code</i> | kod | شفرة، رمز | الترجمة الاشتقاق |
| 18 | <i>column</i> | Kolum/ ruang | عمود | التعريب الترجمة الاشتقاق |

| | | | | |
|----|--|--------------------------|----------------|---|
| 19 | <i>communication</i> | komunikasi | اتصال | الترجمة الاشتقاق |
| 20 | <i>compact disk</i> | Cakera padat | قرص مدمج | الترجمة الاشتقاق |
| 21 | <i>company</i> | syarikat | شركة | الترجمة الاشتقاق |
| 22 | <i>composer</i> | komposer | ملحن | الترجمة الاشتقاق |
| 23 | <i>computer</i> | komputer | حاسوب | الترجمة الاشتقاق |
| 24 | <i>conference</i> | persidangan | مؤتمر | الترجمة الاشتقاق |
| 25 | <i>consultant</i> | pakar runding | مستشار | الترجمة الاشتقاق |
| 26 | <i>content analysis</i> | analisis kandungan | تحليل المضمون | الترجمة الاشتقاق التركيب |
| 27 | <i>controller of programmes/programmer</i> | programmer | مبرمج | السوابق واللواحق التعريب والاشتقاق الترجمة |
| 28 | <i>convenience sample</i> | persampelan rawak | عينة عشوائية | الاشتقاق التركيب السوابق واللواحق |
| 29 | <i>co-production</i> | produksi bersama | إنتاج مشترك | الترجمة الاشتقاق التركيب |
| 30 | <i>correction</i> | audit | تدقيق | الترجمة الاشتقاق |
| 31 | <i>corrective</i> | ralat/pembetulan | تصويب | الترجمة الاشتقاق |
| 32 | <i>copyrighting</i> | pendaftaran hak cipta | تسجيل المؤلفات | الترجمة الاشتقاق والتركيب |
| 33 | <i>copyright</i> | hak cipta | حق المؤلف | السوابق واللواحق الترجمة الاشتقاق والتركيب |
| 34 | <i>correspondent</i> | wartawan | مراسل | السوابق واللواحق الترجمة الاشتقاق |
| 35 | <i>coupon</i> | kupon | قسمة | الترجمة الاشتقاق |

| | | | | |
|----|------------------------------|--|-------------------------------|---------------------|
| | | | | السوابق واللواحق |
| | | | | الترجمة |
| 36 | <i>cover model</i> | model muka depan | فتاة الغلاف | الاشتقاق التركيب |
| | | | | السوابق واللواحق |
| | | | | الترجمة |
| 37 | <i>cover price</i> | harga penutup | السعر المعلن/ثمن النسخة | الاشتقاق التركيب |
| | | | | السوابق واللواحق |
| | | | | الترجمة |
| 38 | <i>credit line</i> | “kredit kepada ...” | بيان المصدر | الاشتقاق التركيب |
| | | | | السوابق واللواحق |
| | | | | الترجمة |
| 39 | <i>crew</i> | krew | فريق عمل | الاشتقاق التركيب |
| | | | | الاشتقاق |
| 40 | <i>cross media ownership</i> | Pemilikan berpusat media pelbagai arus | قطب صحفي | التركيب الترجمة |
| | | | | السوابق واللواحق |
| | | | | الترجمة |
| 41 | <i>cue</i> | isyarat | إشارة البدء | الاشتقاق التركيب |
| | | | | السوابق واللواحق |
| | | | | الترجمة |
| 42 | <i>cover story</i> | cerita muka hadapan | موضوع الغلاف | الاشتقاق التركيب |
| | | | | السوابق واللواحق |



| Pengaraban | | Pembentukan Frasa | | | | |
|-----------------|---------|-------------------|----------------|----------------|--------------|--------------|
| تلفزة | نجم | بث كبلي | تسجيل شريط | تحليل | فتاة الغلاف | إشارة البدء |
| كاميرة محمولة | سينمائي | كاميرة محمولة | برنامج الأطفال | عينه عشوائية | السعر المعلن | موضوع الغلاف |
| كاريكاتير | ميرمج | مذيع السيارة | تسلسل زمني | إنتاج مشترك | بيان المصدر | |
| فلم رسوم متحركة | | فلم رسوم متحركة | نجم سينمائي | تسجيل المؤلفات | فريق عمل | |
| برنامج الأطفال | | رسوم متحركة | قرص مدمج | حق المؤلف | قطب صحفي | |

| Terjemahan | | | | | |
|-----------------|-------------|----------|---------------|----------------|--------------|
| بث كبلي | تسجيل شريط | رمز | مؤتمر | تسجيل المؤلفات | فريق عمل |
| مكالمة | تمثيل | عمود | مستشار | حق المؤلف | قطب صحفي |
| كاميرة محمولة | رقابة | اتصال | تحليل المضمون | مراسل | إشارة البدء |
| لقط | قناة | قرص مدمج | عينه عشوائية | قسيمة | موضوع الغلاف |
| مذيع السيارة | تسلسل زمني | شركة | إنتاج مشترك | فتاة الغلاف | |
| فلم رسوم متحركة | نجم سينمائي | ملحن | تدقيق | السعر المعلن | |
| رسوم متحركة | استشهاد | حاسوب | تصويب | بيان المصدر | |

| Derivasi | | | | | |
|---------------|------------|----------|---------------|---------------|--------------|
| بث كبلي | تسجيل شريط | عمود | مستشار | سجيل المؤلفات | فريق عمل |
| مكالمة | تمثيل | اتصال | تحليل المضمون | حق المؤلف | قطب صحفي |
| كاميرة محمولة | رقابة | قرص مدمج | مبرمج | مراسل | إشارة البدء |
| لقط | قناة | شركة | عينه عشوائية | قسيمة | موضوع الغلاف |

| | | | | | |
|-----------------|------------|-------|------------|--------------|--|
| مذيع السيارة | تسلسل زمني | ملحن | نتاج مشترك | فتاة الغلاف | |
| فلم رسوم متحركة | استشهاد | حاسوب | تدقيق | السعر المعلن | |
| رسوم متحركة | رمز | مؤتمر | تصويب | بيان المصدر | |

Imbuan Awalan dan Akhiran

| | | |
|----------------|-------------------------|--------------|
| بث كبلّي | عينة عشوائية | قطب صحفي |
| مذيع السيارة | تسجيل المؤلفات | إشارة البدء |
| رسوم هزلية | حق المؤلف | موضوع الغلاف |
| برنامج الأطفال | قسمة | |
| تسلسل زمني | فتاة الغلاف | |
| نجم سينمائي | السعر المعلن/ثمن النسخة | |
| تحليل المضمون | بيان المصدر | |

Perkataan yang berasal daripada bahasa Arab

| | | | |
|----------------|--------------|--------------|---------------|
| بث كبلّي | مكالمة | لقط | مذيع السيارة |
| رسوم متحركة | تسجيل شريط | تمثيل | رقابة |
| تسلسل زمني | استشهاد | رمز | عمود |
| اتصال | قرص مدمج | شركة | ملحن |
| حاسوب | مؤتمر | مستشار | تحليل المضمون |
| عينة عشوائية | إنتاج مشترك | تدقيق | تصويب |
| تسجيل المؤلفات | حق المؤلف | مراسل | قسمة |
| فتاة الغلاف | السعر المعلن | بيان المصدر | فريق عمل |
| قطب صحفي | إشارة البدء | موضوع الغلاف | |

Perbincangan

Daripada 42 istilah media yang terdapat dalam entri C kamus *مصطلحات إعلامية*, analisis kajian membuktikan bahawa kaedah pembinaan istilah yang paling mendominasi ialah kaedah derivasi dengan sebanyak 40 istilah mewakili 95% daripada keseluruhan istilah yang menjadi sampel analisis ini. Tempat kedua pula ialah kaedah terjemahan dengan sebanyak 39 istilah mewakili 93%, disusuli jauh oleh kaedah pembentukan frasa sebanyak 22 istilah mewakili 52%, kaedah pengimbuhan awalan dan akhiran sebanyak 17 istilah mewakili 40%, sebelum diakhiri oleh kaedah pengaraban, iaitu sebanyak 8 istilah mewakili 19%. Kaedah *Al-Naht* (Akronim) didapati tidak digunakan langsung dalam pembinaan istilah-istilah yang menjadi sampel kajian ini.

Kaedah pembentukan beberapa istilah tersebut dapat diperincikan melalui penerangan dan contoh penggunaannya dalam ayat seperti berikut:

a. Pengaraban

Pengaraban merupakan salah satu kaedah pembentukan istilah baharu dalam bahasa Arab yang terdapat dalam kajian ini dengan jumlah 17 istilah daripada 42 istilah keseluruhannya. Antara istilah-istilah yang terbentuk melalui kaedah pengaraban ini iaitu:

(i) كاريكاتير

Contoh dalam ayat:

(وبمروري بمرحلة البلوغ كنت عازماً على نحت اسمي كرسام كاريكاتير، وأنا حقاً استمتعت بالمهنة ومازلت.)

Perkataan ini berasal daripada bahasa Itali iaitu “*katikatura*” yang membawa maksud lukisan yang membesar-besarkan keaiban (al-Salim, 2014). Perkataan karikatur boleh difahami sebagai lukisan yang menggambarkan ciri-ciri atau rupa bentuk seseorang atau benda dengan unsur untuk berjenaka (prpm, 2023). Kini, karikatur tergolong dalam karya seni berbentuk lukisan dan sering menjadi tarikan bagi seni jalanan atau *street art*.

(ii) مبرمج

Contoh dalam ayat:

(يمكن للطلاب متابعة وظائف متخصصة مثل مبرمج أو محلل النظم.)

Perkataan مبرمج berasal daripada kata dasar empat huruf iaitu (ب-ر-م-ج) dan berperanan sebagai اسم الفاعل atau pelaku yang melakukan perbuatan tersebut (Ahmad Mokhtar, 2008). Oleh itu, perkataan ini dapat difahami sebagai orang yang mengendalikan sesuatu program atau perisian. Pekerjaan ini kini lebih sinonim dengan panggilan istilah *programmer* atau pengaturcara bagi sesebuah program.

(iii) تلفزة

Contoh dalam ayat:

(وأشار ذلك الحزب إلى أنه قد يُنشئ محطة تلفزة أخرى ويشرف عليها.)

Perkataan ini telah melalui proses pengaraban daripada perkataan bahasa Inggeris iaitu “television”. Perkataan “television” sendiri berasal daripada bahasa Perancis dan merupakan gabungan daripada *tele* yang membawa makna jauh serta *vision* yang bermaksud penglihatan. Maka, “television” merupakan sebuah alat yang memperlihatkan sesuatu dari jauh (Moustafa, 2018).

b. Pembentukan Frasa

Kajian ini mendapati 22 istilah yang terbentuk melalui kaedah pembentukan frasa. Menurut al-Qasimi (2019), frasa (التركيب) boleh dibahagikan kepada tujuh jenis iaitu:

- Frasa *idafah* (التركيب الإضافي)
- Frasa adjektif (التركيب الوصفي)
- Frasa gabungan antara *idafah* dan adjektif (التركيب الإضافي الوصفي)
- Frasa akronim (التركيب المزجي)
- Frasa bilangan (التركيب العددي)
- Frasa *isnad* (التركيب الإسنادي)
- Frasa ikutan (التركيب الإتياعي)

Antara contoh bagi istilah yang terbentuk melalui kaedah pembentukan frasa yang terdapat dalam kajian ini berdasarkan jenis-jenis frasa di atas ialah seperti berikut:

Jadual 2: Contoh istilah dan penggunaannya dalam ayat berdasarkan jenis frasa

| Jenis frasa | Contoh istilah | Contoh penggunaan dalam ayat |
|--|-----------------|---|
| Frasa <i>idafah</i> | مذياع السيارة | يمكنني جعل مذياع السيارة يلتقط إشارة الشرطة معظم الكاميرات المحمولة لديها ميزة لصناعة السيارات في فلاش ولكن أود أن أقترح عليك أن لا تعتمد على ذلك. |
| Frasa adjektif | كاميرة محمولة | ففي عام 1931 م حضرت جمعية الفلم الأمريكي والموزعون في أمريكا فلم رسوم متحركة لديزني يظهر فيه ضرع بقرة يتمدد ويُسحب بشكل مثير. |
| Frasa gabungan antara <i>idafah</i> dan adjektif | فلم رسوم متحركة | |

c. Derivasi

Derivasi atau disebut dalam bahasa Arab sebagai **الإشتقاق** bermaksud suatu kaedah pembentukan kata melalui proses percambahan satu kata dasar bertujuan untuk mengembangkan makna asal kepada makna baru yang berkaitan (Adnan, 2018). Terdapat 40 istilah dalam kajian ini yang terbentuk menggunakan kaedah derivasi. Derivasi boleh berlaku dalam pelbagai bentuk seperti kata terbitan (المصدر), kata nama tempat (اسم المكان), kata nama pelaku (اسم الفاعل) dan pelbagai bentuk yang lain. Antara contoh istilah yang dibentuk melalui kaedah derivasi dalam kajian kajian ini ialah:

1. مراسل

Contoh dalam ayat:

(جاء مراسل أجنبي إليه يريد أن يكون لطيفا)

Perkataan مراسل merupakan kata nama pelaku (اسم الفاعل) kepada kata kerja راسل. Derivasi yang berlaku dalam perkataan ini telah mengubah makna daripada kata kerja “menyampaikan” kepada makna sebuah profesion atau pekerjaan yang menyampaikan sesebuah berita (Ahmad Mokhtar, 2008). Makna istilah مراسل dalam kajian ini berkait dengan profesion atau pekerjaan iaitu wartawan.

2. اتصال

Contoh dalam ayat:

(كثيراً ما كان العمال الذين يقومون ببناء الطريق معزولين وبدون اتصال)

Perkataan اتصال berasal dari kata dasar اتصل yang boleh dijumpai daripada entri kata dasar و - ل - ص - ات. Perkataan ini tergolong dalam bentuk derivasi kata terbitan (المصدر) yang memberi makna komunikasi. الاتصال juga kadangkala digunakan dalam bentuk penambahan huruf ات di akhir perkataan iaitu الاتصالات yang turut memberi makna komunikasi (Abd. Rauf, 2005).

d. Imbuhan awalan dan akhiran

Kajian ini turut mendapati 17 istilah yang dibentuk melalui kaedah imbuhan awalan dan akhiran (السوابق واللواحق). Daripada kesemua istilah ini, antara imbuhan yang paling ketara dan banyak ditemui ialah *alif lam ta'rif* bagi jenis imbuhan awalan manakala *ya' nisbah* dan *ta' marbutah* bagi jenis imbuhan akhiran. Antara contoh istilah berikut ialah:

Jadual 4: Contoh istilah yang terbentuk melalui kaedah imbuhan awalan dan akhiran

| Jenis imbuhan | Contoh istilah | Contoh penggunaan dalam ayat |
|---------------|------------------------|---|
| Awalan | <i>Alif lam ta'rif</i> | وجرى أيضا مناقشة استخدام أسلوب <u>تحليل المضمون</u> وأهمية وجود إجراءات للتدوين |
| | <i>Ya' nisbah</i> | كان أكثر وسامة من أي <u>نجم سينمائي</u> رأته في حياتي |
| Akhiran | <i>Ta' Marbutah</i> | يخبر المؤشر المتكامل الزائرين عن أي عرض <u>ترويجي</u> أو خصم أو <u>قسيمة</u> . |

Sementara itu, terdapat sebilangan perkataan yang didapati terhasil daripada himpunan lebih daripada satu imbuhan. Contohnya boleh dilihat dalam perkataan تحليل المضمون yang mempunyai huruf *ta'* sebagai imbuhan awalan dalam perkataan تحليل manakala *alif lam ta'rif* sebagai imbuhan awalan dalam perkataan المضمون.

Selain itu, daripada keseluruhan senarai istilah media yang terkumpul, dapatan kajian ini mendapati beberapa istilah yang terbentuk daripada gabungan kaedah-kaedah pembentukan istilah sepertimana yang telah diperincikan dalam Jadual 1.

Analisis terhadap dapatan ini dapat disimpulkan bahawa kerja pembentukan istilah baharu dalam laras bahasa media menyaksikan kepelbagaian kaedah dan pendekatan. Tiada satu pun istilah yang mengguna pakai hanya satu kaedah. Bahkan terdapat satu istilah yang mengguna pakai 5 kaedah dalam pembentukannya.

Kesimpulan

Secara umumnya, kajian ini berjaya mengenal pasti sebanyak 42 istilah baharu dan lama yang merupakan bidang media dan juga bidang-bidang lain yang dikaitkan dengan media. Daripada 42 istilah yang dikenal pasti, sebanyak 42 istilah merupakan istilah media yang sangat penting bukan sahaja dalam bidang media, malah dalam pelbagai rentas bidang. Usaha pembinaan istilah bahasa media seperti ini diakui membantu dalam memperkaya korpus bahasa Arab dan merencanakan usaha ke arah melahirkan istilah-istilah baharu dengan pesat. Pembentukan istilah yang dihasilkan oleh masyarakat juga turut diterima penggunaannya sekiranya tidak bertentangan dengan piawaian oleh pihak berkuasa berkaitan perancangan bahasa. Hal ini bertitik tolak daripada asas kewujudan bahasa itu sendiri yang sifatnya berkembang melalui penutur-penutur bahasa itu sendiri. Hal ini menunjukkan bahawa masyarakat memainkan peranan yang agak signifikan dalam menyumbang ke arah percambahan korpus bahasa Arab itu sendiri. Pun begitu, pembentukan istilah tidaklah boleh dibentuk sesuka hati kerana kelak akan menimbulkan salah faham atau isu lain kepada pengguna. Walaupun perubahan persekitaran yang baharu mampu menghasilkan istilah, namun istilah yang dibentuk haruslah selari dengan makna dan konsep yang terkandung dalam setiap istilah tersebut di samping pembentukan tersebut meraikan juga ciri, struktur dan susun atur bahasa Arab itu sendiri. Dari aspek pembentukan istilah, analisis kaedah pembentukan istilah bukan sahaja dapat mengembangkan korpus peristilahan malah dapat menyingkap kebijaksanaan orang Arab dalam membentuk istilah. Oleh sebab itu, usaha atau kerjasama antara pihak berkuasa terkait perancangan bahasa dengan ahli sarjana bahasa dan masyarakat perlu digembleng untuk menghasilkan istilah pelbagai bidang berserta huraian yang lebih tepat dan terperinci.

Penghargaan

Kajian ini merupakan salah satu hasil tajaan Geran Universiti Penyelidikan (GUP), kod geran penyelidikan: GUP-2022-034 yang telah bermula pada 01/10/2022 dan dijangka berakhir pada 30/09/2024.

Rujukan

Abdul Qadir A. J. 2014. *al-Madāris al-Mū'jamiyyah, Dirāsatan fi Buniyati al-Tarkib* (Pembentukan Frasa), cetakan yang kedua, Dar sofa' Lilnaṣri wa tauzi'i. Amman, Jordan.

- Abdurrahman J. 2017. *Muhadharah Fi miqyasi al-muṣṭolahiyah*. Republik Demokratik Rakyat Algeria. Kementerian Pengajian Tinggi Dan Penyelidikan Tinggi. Guelma, Algeria.
- Abit Yaşar Koçak. 2002. Handbook Of Arabic Dictionaries. First Edition. Verlag Hans Schiler.
- Ali al-Qosimiy. 2004. *Ilmu Lughah wa Sinaa 'ti al-Mu'jam*. Maktabah Lubnan Naşirun , Beirut, Lubnan.
- Ali al-Qosimiy. 2019. *Al-Mustalah: Ususuhi al-Nazariyyah wa Tatbiqatuhu al-'Amaliyyah*. Maktabah Lubnan, Beirut.
- Akhyar Hanif. 2016. Sistem Derivasi (الاشتقاق) Dalam Bahasa Arab Dan Urgensinya Dalam Pengajaran Bahasa. STAIN Batusangkar.
- Al-Khuri, S. 1988. *Al-Tarjamah (Terjemahan) Qadiman wa Hadithan*. Sousa: dar al-Ma'arif lil-Tiba'ah wa al-Nashr.
- Al-Shihabi, M. 1995. *al-Mustalahat fi al-Lughah al-'Arabiya Qadiman wa Hadithan*. Beirut: dar al-Sadir.
- Adnan Mat Ali, Md. Noor Hussin & Muhammad Firdaus Abdul Manaf. 2018. *Ishtiqaq: Kajian Tentang Pembentukan Kata Arab*. Proceeding of The Internasional Conference On Contemporary Issues In Al-Quran And Hadith 2018 (THIQAHA 2018).
- Ahmad Mokhtar Omar. 2008. *Mu'jam al-Lughah al-'Arabiyyah al-Mu'asirah*. 'Alam al'Kutub. Kaherah.
- Abd. Rauf Dato' Haji Hassan Azhari. 2005. Kamus Istilah Media Melayu-Arab. Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Abbas Mohd Shariff. 1988. Pengaruh Bahasa Arab Dalam Bahasa Melayu. The Malay Language Council. Malaysia.
- Belkin V.M. 1975. Arabskaja leksikologija / V.M. Belkin. – M.: Izd-vo MGU. – 200 p.
- Chamid Shadiq Qaniby. 2000. *Al-Ma`âjim wa al-Mushthalahât: Mabâhits fî al-Mushthalahât wa al-Ma`âjim wa al-Ta`rîb*, 136.
- D. Edi-Subroto. 1992. Pengantar Metode Penelitian Linguistik Struktural. (Surakarta: Sebelas Maret University.
- Emil Yaakob. 1985. *al-Maajim al-Lughawiyah al-Arabiah Badatuha wa Tathauwuruha* . Dar al-Ilm Lilmalayyin, Beirut, Lubnan.
- Edi-Subroto, D. 1992. Pengantar Metode Penelitian Linguistik Struktural. Sebelas Maret University. Surakarta.
- Hamadi, Muhammad Dhori. 2000. *Wasail Wad al-Mustolah al-'Ilmiy fi al-Arabiyyah*. Majallah Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah bi Dimashq. Vol. 73. Bil. 3
- Hamdan Khuder al-Salim. 2014. *Al-Karikatir fi al-Sohafah*. Dar Usamah lil al-Nasyr wa al-Tauzi'. Jordan.
- Hamid Ja'id Muhsin. 2021. *Mustolahat 'ilamiah*. Al-Jamiah al-Arabiah al-Maftuhah. Qism al-'ilam wa al-Ittisal. Denmark.
- Heribert Picht, Jennifer Draskau. 1985. Terminology: An Introduction. University of Surrey, Department of Linguistic and International Studies.
- Heribert Picht, Jennifer Draskau. 1985. Terminology: An Introduction. University of Surrey, Department of Linguistic and International Studies.
- Ibn Manzur, Jamal al-Din. 2021. *Lisanul 'Arab*. Dar Sader, Beirut, Lubnan.
- Kamus Dewan*. 2005. Edisi Keempat. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

- Mohamed Ben Mebkhout, Zina Guerfa. 2020. *The Approach Of Phonetic Fluctuations In Arabic Lexicography*. M. El Bechir El Ibrahim University, Bordj Bou Arreridj, Algeria.
- Mahmud Abdelghani. 2017. *Dictionary of main term of Literature Translation*. Milano, Italia.
- Mohd Hazri Zakaria, Che RAdiah Mezah, Muhd Zulkifli Ismail. 2017. *Penggunaan Kata Pinjaman Arab Dalam Puisi Melayu*. Jurnal Kemanusiaan. Universiti Putera Malaysia.
- Moustafa, K. 2018. *Arabic Words From Non-Arabic Origins*. Arabic Science Archive.
- Pedoman umum pembentukan istilah bahasa Melayu. 1992. Dewan Bahasa dan Pustaka bagi pihak Jawatankuasa Tetap Bahasa Melayu, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur.
- Qaniby, Chamid Shadiq. 2000. *Al-Ma`âjim wa al-Mushthalahât: Mabâhits fî al-Mushthalahât wa al-Ma`âjim wa al-Ta`rîb*. Darus-Suudiyyah lin-Nasyri wat-Tauzi`. Makkah.
- Syamsul Hadi. 2017. *Pembentukan Kata Dan Istilah Baru Dalam Bahasa Arab Modern Arabiyat* : Jurnal Pendidikan Bahasa Arab dan Kebahasaaraban. Vol. 4 No. 2.
- Stetkevych J. 1970. *The Modern Arabic Literary Language, Lexical and Stylistic Development*. Chicago: Chicago University Press.
- Solah Ruwai. 1990. *al-Madâris al-Mu`jamiyyah al-Arabiyyah Naşha`tuha Taṭawuruha Manhajuha*. Jamiah al-Qaherah. Dar al-thaqafah al-Arabiyyah. Al-Qaherah.
- Zaher Aldawood. 2019. *The Linguistic Mindset of Ibn Duraid Az-Azadi “ The Book Of Jamharat al-Lughat” As a sample*. Sultan Qaboos University.
- Zahrah Abd. Ghafur dan Salamiah Mat Sah. 1992. *Panduan Peristilahan Judul Asal: Terminology Manual Penulis: Helmut Felber Penterjemah: Penerbit DBP*.